

FTA: Kerajaan diminta tegas elak diskriminasi

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

PUTRAJAYA 6 April - Kerajaan diminta sentiasa tegas dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat (AS) bagi mengelak wujud diskriminasi sosial dalam masyarakat.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), N. Marimuthu menegaskan, peraturan berkaitan perdagangan tidak sepatutnya menafikan hak asasi manusia untuk menikmati keperluan asas terutama kemudahan kesihatan.

Sebaliknya kata beliau, tumpuan perlu diberikan terhadap usaha mewujudkan kesaksamaan sosial melalui kemajuan dan pembangunan yang dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

"FTA Malaysia-AS telah membangkitkan pelbagai isu sosioekonomi yang menarik perhatian pelbagai pihak khususnya persatuan pengguna dan pertubuhan berasaskan komuniti.

Sebarang bentuk perjanjian dua hala mahu pun pelbagai hala, tidak sewajarnya menyebabkan wujud diskriminasi kepada rakyat termasuk soal kesihatan

"Sebarang bentuk perjanjian dua hala mahu pun pelbagai hala, tidak sewajarnya menyebabkan wujud diskriminasi kepada rakyat termasuk soal kesihatan," katanya di sini hari ini.

Marimuthu berkata, pada 2003, kerajaan mengeluarkan lesen untuk mengimport beberapa dadah antiretroviral generik dari India di bawah Perjanjian Berkaitan Hak Harta Intelektual (TRIPs) untuk kegunaan Kementerian Kesihatan.

"Hasil daripada tindakan tersebut, kos rawatan bulanan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan telah menurun sebanyak 81 peratus iaitu daripada RM1,102 kepada RM203.

"Rentetan daripada itu, jumlah pesakit yang dirawat oleh agensi-agensi di

bawah Kementerian Kesihatan telah meningkat daripada 1,500 kepada 4,000 orang," jelasnya.

Beliau berkata, melihat kepada isu-isu yang dibincangkan dalam FTA sebelum ini, terdapat beberapa peruntukan di bawah TRIPs yang amat membimbangkan kerana AS juga akan mendesak Malaysia untuk menerima peruntukan tersebut.

Peruntukan tersebut, ujarnya, adalah bertentangan dengan Pengisytiharan Doha tentang TRIPs dan kesihatan awam yang akan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan ubat-ubat pada harga rendah.

"Antara peruntukan lain yang bertentangan ialah peruntukan yang memberikan hak eksklusif kepada syarikat yang

menghasilkan data ujian ubat-ubat generik bagi satu-satu tempoh.

"Ini akan menghalang penggunaan ubat generik dalam tempoh tersebut walaupun ubat-ubat itu tidak dipatenkan," katanya.

Sebagai contoh, bagi penghidap HIV/AIDS, tindakan tersebut tidak ubah seperti mengenakan hukuman mati terhadap mereka sedangkan pesakit tersebut memerlukan rawatan berterusan.

Menyedari wujudnya situasi sedemikian, FOMCA meminta kerajaan tidak tunduk pada desakan AS bagi melindungi nyawa yang terancam khususnya golongan miskin, warga tua dan penghidap penyakit kronik seperti pesakit HIV/AIDS," katanya.

um-7/4/2007

N. MARIMUTHU
Presiden FOMCA

